

P.U.(A) 221/2016

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (FI)  
(PINDAAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 378(2)(b) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) (Pindaan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Ogos 2016.

**Pindaan Peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) 2012 [*P.U. (A) 483/2012*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2, dengan memotong takrif "Kod".

**Pindaan Jadual 2**

3. Jadual 2 kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda berhubung dengan butiran 4, dalam ruang "Perihalannya", dengan menggantikan perkataan "peruntukan Kod" dengan perkataan "peruntukan pengambilalihan, percantuman atau pengambilan paksa".

Dibuat 9 Ogos 2016

[SC/GC(R&R)/Subsidiary-CMS Fee/2015(201)-1;PN(PU2)662/XI]

TAN SRI DATO' SERI RANJIT AJIT SINGH  
*Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*

Diluluskan 11 Ogos 2016

[KK/SID/P/(S)/483/669/4 JLD.2 (SK.2); PN(PU2)662/XI]

DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI  
*Menteri Kewangan Kedua*